

18/12/2000

Filem Bukak Api gagal kembangkan elemen keinsafan

L C Fang

SEBELUM ini watak mak nyah melalui filem dan drama lebih bersifat gurauan kerana di sebalik kelucuan yang dicetuskan melalui aksi `liuk-lentuk', hakikatnya terselit unsur sinis menyindir golongan itu.

Begitupun, lain halnya dengan filem Bukak Api arahan Osman Ali kerana seluruh hidangan watak makyah dalam filem itu bukan untuk penonton yang mahu menikmati komedi.

Sebaliknya, susur-galur arah ceritanya cuba mengheret penghayatan masyarakat menerjuni pelbagai masalah yang melingkari golongan itu, yang mungkin terpinggir daripada pandangan umum.

Sebagai penonton, umum berhak memilih untuk mengkategorikan Bukak Api sebagai filem pendidikan, dokumentasi atau separa pornografi, namun yang jelas ia adalah sebuah filem underground yang perlu diselami dulu tujuan pembikinannya.

Walaupun bersedia diterjah kejutan pada tayangan pembukaan yang turut disaksikan oleh Pengerusi Majlis Aids Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir, namun adegan pembuka tirai yang menyaksikan asmara cumbuan berahi seorang lelaki dengan mak nyah sudah cukup mengocak debaran.

Tidak kurang hebat (berani?) babak ranjang yang jelas memperlihatkan pergerakan gabungan dua tubuh, selain adegan di tempat duduk hadapan sebuah kereta (babak ini ditapis pada tayangan berikutnya).

Kita percaya, adegan yang menggelegakkan minda itu adalah imbasan kepada hakikat sebenar, senario `jual beli' yang berlaku dalam masyarakat berkepentingan diri, seiring realiti adegan kehidupan dan kegiatan segelintir mak nyah yang mempalit diri dengan lumpur pelacuran.

Ingin disentuh serba sedikit berkaitan lokasi penggambaran yang memaparkan Menara Berkembar Petronas sebagai latar kepada adegan aksi berahi seorang lelaki dengan mak nyah, bergomolan di tempat terbuka.

Apa juga perlunya penonjolan sekitar Lorong Haji Taib - tempat yang sering didakwa menjadi pusat `perkumpulan' pelacur murahan - sebagai lokasi utama penggambaran? Apakah di sebalik `keikhlasan' mengetengahkan permasalahan mak nyah, pihak penerbit mahu mengambil kesempatan mempromosi lokasi terbabit sebagai stesen operasi golongan itu?

Budaya kebenaran atau hakikat yang menjalari tujuan pembikinan Bukak Api seharusnya bersempadankan norma ketertiban kerana walaupun galur ceritanya adalah kisah benar, namun langkah memapar secara terang segala kebenaran (kehidupan mak nyah termasuk lokasinya) nyata mengundang implikasi kerosakan imej banyak pihak lain.

Asalnya filem ini bertujuan membuka mata masyarakat menyelami dan memahami permasalahan mak nyah, juga cuba mewujudkan bibit keinsafan di kalangan mak nyah, pelacur serta pelanggan.

Namun, mesej keinsafan yang cuba ditebar gagal mencecah matlamat. Adakah kempen mencegah Aids memadai dengan memaparkan cara penggunaan kondom kepada pekerja seks tanpa mengambil kira pencegahan dari segi budaya dan agama, terutamanya yang membabitkan Melayu?

Sepatutnya unsur pendidikan (menggalakkan penggunaan kondom) harus digauli pendidikan halal haram menerusi dialog, ceramah, adegan atau rakaman benar - sepintas lalu pun cukup kalau bimbang mesej asal pembikinan terencat.

Disebabkan filem ini berpegang kukuh pada dasar permasalahan mak nyah, ia gagal mengembangkan elemen keinsafan menerusi musibah yang menimpa watak pelacur Jelita, Tipah, Manisha, Riena dan Murni (wanita).

Malah hingga dialog terakhir pun filem ini tidak mampu menjengahkan erti keinsafan tulen apabila salah satu watak utamanya melontar dialog: "Aku tidak pernah menyesal."

Pendedahan kegiatan pelacur mak nyah dalam konteks filem ini tidak memperlihatkan iltizam pengajaran yang luas dan jelas, jauh sekali mengajak masyarakat memandangi keji kegiatan itu barangkali bukan tujuan pembikinannya pun untuk menimbulkan kesan demikian.

Keseluruhan jalan ceritanya tidak menggambarkan nilai budaya Malaysia yang normal lantaran kepentingan diri yang keterlaluan meletakkan filem ini sekadar sesuai untuk tontonan pekerja seks, seolah-olah tiada jalan keluar untuk mereka mencari rezeki secara halal.

Golongan mak nyah terbabit bagaikan cuba mempertahankan 'kebenaran' mereka dalam menjalani liku kekufuran sehingga menghalalkan yang haram iaitu pelacuran. Lebih parah, mesej yang ingin disampaikan menerusi filem ini ialah sikap 'menyibuk' pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Masyarakat yang mengamalkan budaya sederhana yang waras sememangnya sukar menerima hakikat berhubung kemarahan golongan mak nyah terhadap pihak terbabit yang dianggap sebagai merosakkan rancangan mereka, kononnya menyusahkan dalam kegiatan menawarkan perkhidmatan seks secara terbuka.

Justeru, digambarkan bagaimana sekumpulan mak nyah yang sedang menunggu pelanggan di sekitar Lorong Haji Taib diserbu pihak berkuasa sehingga terpaksa lintang-pukang melarikan diri hingga salah seorang daripadanya pengsan (mati?) selepas dibelasah pegawai terbabit.

Sejajar pemaparan kebenaran mengenai kegiatan pelacuran mak nyah, adegan pihak berkuasa membelasah mak nyah seharusnya mendapat perhatian pihak terbabit kerana ia adalah perbuatan di luar perikemanusiaan yang tidak boleh diterima oleh sesiapa pun.

Jika golongan mak nyah sendiri berani mendedahkan kegiatan pelacuran mereka, tiada sebab pihak berkuasa mahu melepas tangan dalam menyiasat hal ini kerana walaupun mereka (mak nyah) menentang hukum agama dan adat, namun mereka masih manusia yang boleh diberi bimbingan - bukan dilayan seperti binatang.

Jais dan DBKL mungkin mudah boleh menafikan wujudnya unsur 'keganasan' dalam menjalankan operasi membanteras kegiatan pelacuran, tetapi kita yakin yang didedahkan melalui Bukak Api tidak menolak kemungkinan wujudnya kehakisan etika yang boleh menjejaskan 'kesucian' pihak berkenaan.

Dalam konteks ini, kita melihat langkah membasmi kegiatan pelacuran oleh Jais tidak sewajarnya dihadkan kepada tangkapan dan denda, sebaliknya golongan mak nyah terbabit wajar diberi kaunseling dan bimbingan agama kerana mereka juga mampu dibentuk sebagai insan soleh.

Barangkali hanya babak mak nyah dipukul yang mampu menyentap rasa belas kasihan penonton terhadap mak nyah (yang melacur). Babak air mata apabila mak nyah mendapati diri HIV positif dan berulang kali menyebut: "Inilah balasan Tuhan." Tetapi gagal meraih simpati kerana ia disebut sekadar melepaskan rasa benci pada diri tanpa sekelumit pun sinar keinsafan.

Penganjur tayangan Bukak Api sendiri bagaikan cuba mempertahankan kegiatan sumbang mak nyah apabila cuba mendapatkan reaksi penonton berhubung persepsi terhadap mak nyah sebelum tayangan bermula.

Mereka bagaikan kesal dengan pandangan sinis, pengabaian masyarakat terhadap mak nyah tanpa menyedari tidak semua orang bersikap sedemikian. Kita percaya ramai yang bersimpati dengan nasib golongan itu yang terpaksa berkonflik dalam diri kerana desakan naluri yang berbeza.

Perlu diingat, filem subculture itu tidak menggambarkan semua mak nyah terbabit dalam kegiatan pelacuran kerana permasalahan yang terbentang di dalamnya langsung tidak membabitkan mak nyah yang cekal menjalani hidup seperti orang lain, tanpa perlu mencari nafkah melalui kerja haram.

Penerbit sebenarnya mempunyai ruang untuk menyebarkan benih keinsafan menerusi watak Kak Su, seorang mak nyah yang menyara hidup sebagai tukang jahit yang mempunyai hubungan rapat dengan semua watak utama menerusi filem itu.

Kak Su yang penuh dengan sikap keibuan menjadi tempat mengadu kebanyakan pelacur dan sering kali nasihatnya menjadi panduan mereka. Sayangnya, dia tidak menjadi saluran menasihati mereka supaya keluar daripada kegelapan, sebaliknya segala nasihat hanyalah dialog sekitar Jangan kebas duit pelanggan, Kena pandai-pandai jaga diri dan Jangan gugurkan kandungan, tidak baik.

Watak Kak Su yang dibentuk sehingga menjadi `ibu' kepada `anak-anak' yang menghadapi masalah sepatutnya diperluaskan menjadi contoh yang baik kerana mampu menyara hidup tanpa perlu melacur, maka dia sewajarnya menguasai dialog menasihati mereka mencari kerja yang lebih bermoral dan diredai Tuhan.

Dalam hal ini, permasalahan sebenar golongan mak nyah yang menganggap diri tersisih daripada masyarakat berpunca daripada sikap mereka yang tidak mahu memahami budaya dan norma hidup bermasyarakat.

Hakikatnya, mereka sendiri membentuk kelompok mengasingkan diri daripada masyarakat, tidak peka terhadap perasaan keliling apabila dengan sengaja sanggup berpakaian `pelik-pelik' untuk menutup `kelemahan' sendiri dan berlagak lembut keterlaluan yang memualkan masyarakat.

Bukan salah masyarakat jika tidak memahami mereka kerana mereka sendiri tidak memahami keperluan yang wajib dalam sesebuah masyarakat. Bertitik-tolak daripada kedua-dua pihak saling tidak memahami, terbitlah rasa benci mak nyah terhadap masyarakat manakala masyarakat turut melihat golongan itu bagaikan orang asing.

Apa pun, pergolakan dan permasalahan yang dicetus Bukak Api wajar menjadi medan wacana yang baik membabitkan pihak seperti jabatan agama dan kerajaan merangkumi Kementerian Sumber Manusia, selaras usaha membentuk golongan mak nyah yang lebih berwawasan, berani mendekati masyarakat dan berupaya membebaskan diri daripada dilabelkan sebagai pekerja seks semata.

(END)